



PENGENALAN CIRI BARU DI *ONE COMMON PORTAL (OCP)* – MODUL *e-STAMPING*

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) sukacita memaklumkan bahawa sebagai mendokong inisiatif transformasi digital Kerajaan, Bahagian Hasil, MOFE akan memperkenalkan perkhidmatan modul *e-Stamping* yang dijangka akan dilancarkan pada Suku Ke-Empat tahun 2022.
2. Modul *e-Stamping* ini akan membolehkan orang ramai untuk melaksanakan, mengurus dan membayar Duti Setem bagi instrumen-instrumen tertentu sahaja di dalam talian tanpa perlu hadir ke kaunter Pemungut Setem secara fizikal di kaunter-kaunter agensi-agensi Pemungut Duti Setem termasuk Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kehakiman Negara di Jabatan Perdana Menteri. Modul *e-Stamping* ini akan melibatkan pengenalan kepada tatacara penaksiran dan pembayaran Duti Setem yang baru seperti berikut:
 - i. Penggunaan borang Duti Setem secara dalam talian;
 - ii. Keperluan memuatnaik instrumen yang ingin disetem;
 - iii. Pengiraan Duti Setem yang dibuat secara automatik;
 - iv. Bayaran Duti Setem secara dalam talian; dan
 - v. Pengeluaran Sijil Duti Setem.
3. Dalam hubungan ini, orang ramai adalah disarankan untuk mendaftar akaun masing-masing di *One Common Portal (OCP)* melalui www.ocp.mofe.gov.bn bagi mengakses modul *e-Stamping* ini nanti sebaik sahaja ianya dilancarkan. Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi Bahagian Hasil sama ada melalui email di alamat revenue@mofe.gov.bn; atau melalui telefon di talian +673 2383933/2380651.



Kementerian Kewangan dan Ekonomi